

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah sebarang program yang diatur serta dirancang untuk memastikan tenaga kerja berkemahiran tempatan berkeupayaan untuk bersaing dengan tenaga kerja asing.**

PR-1341-T71971

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) menawarkan program latihan kemahiran di pusat-pusat bertauliah JPK berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dibangunkan dengan kerjasama industri. Elemen *core-abilities* di dalam NOSS turut dimasukkan agar pelatih mempunyai kebolehan insaniah dan *soft-skills* yang diperlukan bagi bersaing dalam pasaran pekerjaan.
2. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) memperkuuhkan pembangunan dan penyampaian program latihan kemahiran yang diterajui oleh industri. Maklum balas daripada pihak industri digunakan untuk merapatkan jurang antara pengetahuan, kemahiran dan sikap graduan yang dilatih di institusi latihan kemahiran agar menepati keperluan di tempat kerja. Selain itu, kerjasama turut meliputi pengambilan pelajar, reka bentuk kurikulum, penyampaian latihan dan penempatan pekerjaan.
3. Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang menyediakan platform kepada syarikat bagi melatih bakal pekerja mereka turut diperluaskan. SLDN mengamalkan latihan *hands-on* di tempat kerja sebanyak 70% agar dapat mengatasi masalah ketidaksepadanan kemahiran dan mengurangkan kos latihan.

4. Program-program yang dilaksanakan ini secara keseluruhannya dapat meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir dan menghasilkan pekerja mahir yang lebih berkelayakan jika dibandingkan tenaga kerja asing.